



## PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

### PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2022

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Memajukan Iktisad  
Negeri Terengganu (PMINT)

---

### **GARIS PANDUAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH RUMAH AWAM KOS RENDAH (RAKR) NEGERI TERENGGANU**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan Garis Panduan Perbelanjaan Akaun Amanah Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) Negeri Terengganu bagi membolehkan Pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) membelanjakan Peruntukan Kerajaan Negeri yang ditempatkan di bawah PMINT untuk bayaran berkaitan hal ehwal Rumah Awam Kos Rendah / Rumah Mampu Milik / Rumah Pangsa Mampu Milik (RAKR/RMM/RPMM) di Negeri Terengganu.
- 1.2. Pekeliling ini juga bertujuan menyelaraskan semula tatacara perbelanjaan Akaun Amanah RAKR berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Akaun Amanah Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) Negeri Terengganu telah diwujudkan semenjak tahun 1972 bagi menempatkan bayaran balik sewa dan sewa beli projek perumahan **Jabatan Perumahan Negara (JPN)/ Rumah Mampu Milik (RMM)/**

**Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM)** dan diletakkan di bawah kawalan PMINT.

- 2.2. Di dalam kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali ke-23 Tahun 1995 bertarikh 2 Ogos 1995 pihak PMINT telah menggariskan segala perkara yang terlibat dalam Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah. MMKN dan telah meluluskan pembiayaan tambahan subsidi 10% ke atas kos pembinaan bangunan sekiranya kos kurang daripada RM25,000.00 atau 7% ke atas kos pembinaan bangunan jika kos melebihi RM25,000.00;
- 2.3. Di dalam kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali ke-27 Tahun 1999 bertarikh 1 September 1999, MMKN telah membuat keputusan membayar 10% dari kos rumah kepada PMINT yang diambil daripada kutipan bayaran balik bulanan Akaun Amanah RAKR sebagai imbuhan perbelanjaan pengurusan dan kos-kos yang ditanggung;
- 2.4. Pada tahun 2020, YB Pegawai Kewangan Negeri dalam Mesyuarat Penyelarasan Akaun Amanah Rumah Awam Kos Rendah pada 5 Disember 2019 dan 5 Februari 2020 telah membuat keputusan supaya PMINT menyalurkan hasil kutipan bayaran balik bulanan Akaun Amanah tersebut (setelah ditolak Yuran Pengurusan dan Perbelanjaan) kepada Kerajaan Negeri; dan
- 2.5. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali ke-14 Tahun 2020 yang bersidang pada 6 Mei 2020 telah bersetuju dengan pengesyoran Yuran Pengurusan RAKR/RMM/RPMM **dinaikkan daripada 10% kepada 15%** yang akan diambil daripada kutipan bayaran balik bulanan Akaun Amanah RAKR.

### **3. KAWALAN PERBELANJAAN**

- 3.1. Bagi maksud garis panduan perbelanjaan dalam Pekeliling ini, kawalan perbelanjaan peruntukan Akaun Amanah RAKR adalah terhad kepada berikut:
  - 3.1.1. Perbelanjaan bagi projek-projek perumahan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (Bahagian Perumahan) sahaja;

- 3.1.2. Perbelanjaan bagi projek-projek perumahan di bawah Agensi dan Badan Berkanun Negeri Terengganu adalah **tidak dibenarkan**;
- 3.1.3. **Yuran Pengurusan RAKR 15%** merangkumi item-item berikut:
  - a. Kos pengendalian proses pembahagian rumah, perjanjian sewa beli, surat menyurat tawaran dan siasatan lanjut;
  - b. Kos pengendalian kutipan sewa beli dari rumah ke rumah di dalam tempoh pembelian ansuran;
  - c. Kos pengendalian kerja penguatkuasaan;
  - d. Bayaran cukai pintu, hasil tanah, guaman, surat menyurat dan lain-lain;
  - e. Kos tuntutan elauan pegawai dan kakitangan; dan
  - f. Kos penyelenggaraan dalam tempoh sewaan selama 3 tahun atau sebelum dipindahmilik.
- 3.1.4. Perbelanjaan yang melebihi **RM100,000.00** hendaklah mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri dan diangkat melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Perumahan);
- 3.1.5. Perbelanjaan **RM20,000.00 – RM100,000.00** perlu mendapat kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan ( Bahagian Perumahan);
- 3.1.6. Pembelian harta modal dibenarkan dengan kebenaran YB Pegawai Kewangan Negeri;
- 3.1.7. Bayaran emolumen kakitangan tetap / lantikan kontrak adalah tidak dibenarkan;

#### **4. BAYARAN BALIK BAKI BULANAN**

- 4.1. Bayaran balik baki bulanan hendaklah dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.
- 4.2. Bayaran balik ini adalah setelah ditolak perbelanjaan dan yuran pengurusan.

- 4.3. Bayaran balik hasil terimaan bulanan hendaklah disalurkan kepada Akaun Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu (65168) tidak lewat 10 haribulan setiap bulan.

## 5. PEMATUHAN PEKELILING

- 5.1. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya arahan-arahan dalam Pekeliling ini serta memastikan semua pegawai dan kakitangan mengambil tindakan yang sama. **Sebarang pengecualian daripada pemakaian arahan dalam Pekeliling ini hendaklah mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri.**
- 5.2. Tindakan surcaj akan dikenakan kepada mereka yang didapati tidak mematuhi arahan-arahan dalam Pekeliling ini serta peraturan-peraturan Pengurusan Kewangan yang sedia ada.

## 6. PEMAKAIAN, TARikh KUATKUASA DAN PEMBATALAN

- 6.1. Pekeliling ini adalah terpakai kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).
- 6.2. Pekeliling ini hendaklah disifatkan mula berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 6.3. Pekeliling ini hendaklah disifatkan sebagai berkuatkuasa sehingga satu arahan pembatalan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.

Sekian, terima kasih

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menyalankan amanah,

**(DATO' HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu

17 April 2022  
15 Ramadan 1443

s.k. Yang Berhormat Mulia  
Setiausaha Kerajaan  
Terengganu

Bendahari Negeri  
Terengganu

Pengarah Audit Negeri  
Terengganu